

# Penyeludup tidak serik

Sinar harian 10/06/2010 M/S 114

## KPDNKK tahan lelaki, sita stesen 'bekal' minyak ke Thailand

ROHANA ISMAIL

**TUMPAT** - Sebuah stesen minyak di Pasir Pekan disita Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) susulan penahanan seorang lelaki di stesen minyak berkenaan semalam apabila cuba menyeludup minyak ke Thailand.

Lelaki berumur lingkungan 30-an tersebut ditahan bersama kereta Proton Iswara Aeroback ketika leka mengisi minyak diesel dalam dua tangki tambahan yang disembunyikan di tempat duduk belakang kereta berkenaan.

Pegawai Pemerintah Batalion 9, Pasukan Gerakan Am (PGA), Superintendan Kamaruddin Yusof berkata, penahanan tersebut dilakukan hasil pemantauan dan intipan anggota Risik PGA Batalion 9 di stesen minyak tersebut kira-kira jam 4 pagi.

"Lelaki dari kampung Simpangan itu mengisi minyak diesel ke dalam tangki tambahan berada di tempat duduk belakang keretanya melalui cermin tingkap belakang.

"Hasil siasatan menda-



● Penolong Pegawai Pemerintah Batalion 9, Mohamad Latif (dua, kanan) bersama Pegawai Risik PGA Batalion 9, Cif Inspektor Mohd Azli Ismail memeriksa tangki dalam kereta Proton Iswara yang berjaya ditahan di sebuah stesen minyak di Pasir Pekan.

pati, di dalam kereta terbabit ada dua tangki besar, bagaimanapun hanya satu tangki sahaja sempat diisi sebanyak 282 liter diesel," katanya.

Menurutnya, kejadian itu merupakan cubaan kedua lelaki terbabit sepanjang bulan ini yang dikatakan aktif menyeludup minyak di beberapa pangkalan haram di Simpangan.

Katanya, berikutan penahanan lelaki terbabit, tiga pam minyak diesel di stesen ini disita manakala minyak diesel dalam tangki stesen minyak terbabit berjumlah 13,082 liter termasuk di dalam tangki tambahan dalam kereta terbabit dirampas.

"Jumlah keseluruhan rampasan diesel bernilai RM23,547.60 akan dise-

rahkan kepada KPDNKK untuk tindakan lanjut manakala kereta dan lelaki tersebut juga disita," katanya.

Kamaruddin berkata, semenjak operasi wawasan PGA Batalion 9 bermula 1 Jun tahun ini, empat buah stesen minyak disita KPDNKK, dua di Wakaf Bharu, satu di Rantau Panjang dan di Pasir Pekan, semalam.